



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46

Bil. 23

11hb November 1993

TAMBAHAN No. 11
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 20.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH SARAP (MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU) 1992

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 (a) (i) Akta 171.
Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Hulu Terengganu
membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa
Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Daerah Hulu Terengganu) 1992** dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Daerah Hulu Terengganu dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh disiarkan dalam *Warta*. Nama pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan Tafsiran.
ayatnya menghendaki makna yang lain:
 - “bahan buangan” termasuk apa-apa keluaran sampingan, benda atau barang yang ditolak atau rosak dalam proses pengilangan sama ada mempunyai nilai perdagangan atau tidak;
 - “buangan binaan” ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan oleh apa-apa aktiviti pembinaan;
 - “buangan perdagangan” ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan oleh apa-apa aktiviti perdagangan;
 - “buangan perindustrian” ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan dari apa-apa aktiviti perindustrian;
 - “Majlis” ertinya Majlis Daerah Hulu Terengganu;

“najis” termasuk najis manusia, najis binatang dan bangkai binatang;

“sampah sarap taman” termasuklah daun, jejalar, rumput, pokok, bahan atau tanah dari taman atau perkarangan sesuatu rumah atau bangunan atau jika tidak ada rumah atau bangunan dari mana-mana tanah;

“sampah sarap isi rumah” ertinya apa-apa buangan yang dijanakan dari rumah tetapi tidak termasuk sampah sarap taman atau bahan-bahan buangan bangunan;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

3. (1) Penghuni tiap-tiap rumah hendaklah menyediakan dan menyenggarakan tong sampah dengan bebibir tutup rapat tidak lebih daripada tiga kaki pada isipadunya.

(2) Semua sampah sarap isi rumah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik yang mana hendaklah diikat dengan kuat sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

(3) Mana-mana kaca, tin dan lain-lain benda yang tajam tepinya hendaklah dibungkus dengan baik dan dimasukkan ke dalam bekas gunahabis yang berasingan dan diletakkan dekat tong sampah untuk dipungut.

(4) Tong sampah rumah bolehlah diletakkan di tepi arked atau beranda, di sebelah luar pagar, di lorong belakang atau di mana-mana tempat lain yang sesuai di dalam kawasan rumah untuk memudah mengosongkan tong oleh Majlis.

4. (1) Di bangunan berbilang tingkat di mana pelongsor sampah telah disediakan oleh Perbadanan Pengurusan Bangunan atau, jika tidak ada perbadanan seperti itu, penduduk bangunan itu hendaklah menyediakan dan mengadakan tong sampah yang mana hendaklah diletakkan dalam kebok sampah.

(2) Tong sampah itu hendaklah dari saiz yang cukup untuk memadamkan kebok sampah yang disediakan di sebelah bawah pelongsor sampah dalam bangunan itu.

(3) Penduduk hendaklah pada setiap masa menyenggarakan pelongsor sampah, corong logam pelongsor dan pintu logam ke kebok sampah.

(4) Jika tong sampah, pelongsor sampah, pintu logam, corong logam atau kebok sampah tidak berada dalam keadaan yang sepatutnya baik, Majlis boleh meneruskan tindakan untuk menggantikan, membaiki atau membetulkan apa-apa kerosakan dan hendaklah menuntut jumlah yang dibelanjakan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

5. Sampah sarap ditanam boleh dipungut oleh Majlis dengan bayaran.

6. (1) Mana-mana buangan perindustrian atau perdagangan hendaklah dilupuskan oleh tuannya perindustrian atau perdagangan yang berkenaan di mana-mana satu tempat longgokan sampah yang diselenggarakan oleh Majlis atau sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

(2) Majlis boleh membuang apa-apa buangan perindustrian atau buangan perdagangan dengan dibayar suatu bayaran.

mpah
i rumah
ah disedia
nggarakan.

di
n
g tingkat.

sarap

gan
rian dan
gan.

Plan
pembuangan
sampah

7. (1) Tiada seorang pun boleh memasuki kawasan tempat pembuangan sampah kecuali dibenarkan oleh Yang Dipertua. Kawasan tempat pembuangan sampah.
- (2) Walau apa pun yang terkandung di dalam undang-undang kecil 7 (1), Majlis boleh mengenakan bayaran tertentu sebelum kebenaran diberikan.
- (3) Tiada seseorang pun boleh mengais atau menyelongkar atau mengalihkan apa-apa bahan buangan daripada kawasan tempat pembuangan sampah.
8. (1) Apa-apa kereta buruk dan tidak berguna hendaklah dibuang oleh tuannya di mana-mana satu daripada tempat longgokan sampah itu. Pembuangan kereta buruk dan tak berguna.
- (2) Majlis boleh membuang kereta itu dengan dikenakan bayaran ke atas tuannya.
9. Tiada seseorang pun boleh mengais atau menyelongkar atau mengalih apa-apa jua benda atau menumpahkan atau menyelerakkan apa-apa jua isi kandungan mana-mana tong sampah. Larangan mengganggu isi kandungan tong.
10. Tiada seseorang pun boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan-bahan pembakar sampah sarap atau bahan buangan melainkan mengikut cara dan tempat yang diluluskan oleh Yang Dipertua. Larangan membakar bahan buangan.
11. (1) Apa-apa bahan binaan, arang batu bakar, bahan mudah terbakar atau bahan letupan tidak boleh dimasukkan ke dalam tong sampah rumah atau mana-mana tong lain yang disediakan untuk mengisi sampah tetapi hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diperuntukkan bagi membuang buangan perindustrian. Larangan membuang arang batu bakar, bahan letupan dan najis.
- (2) Apa-apa najis tidak boleh dimasukkan ke dalam tong sampah rumah atau mana-mana tong lain yang disediakan untuk mengisi sampah tetapi hendaklah dilupuskan di mana-mana satu tempat menanam najis yang disenggarakan oleh Majlis.
12. Majlis boleh menetapkan kadar bayaran yang akan dikenakan di bawah undang-undang kecil ini melalui pemberitahuan dalam *warta*. Bayaran.
13. Sesiapa jua yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan, dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau dihukum penjara lebih daripada enam bulan atau denda dan penjara kedua-duanya sekali. Kesalahan-kesalahan.
14. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah undang-undang kecil ini. Kuasa Mengkompaun.
- (2) Jumlah wang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun suatu kesalahan tidak boleh lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit. Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran.
- (3) Pembayaran wang itu mestilah dibuat dengan wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".
- (4) Tiap-tiap bayaran yang diterima mestilah dikira sebagai wang kepunyaan Majlis dan suatu resit rasmi mestilah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.
15. Borang dalam Jadual Pertama mestilah digunakan bagi mengkompaun tetapi tidak boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu. Borang bagi tawaran mengkompaun.

27

JADUAL PERTAMA

TAWARAN MENGGOMPAUN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL
PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH SARAP
(MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU) 1992

Kepada,

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Rujukan

Menurut maklumat/aduan yang diterima saya berpendapat bahawa
tuan/puan telah melakukan kesalahan/kesalahan-kesalahan di bawah
Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan
Sampah Sarap (Majlis Daerah Hulu Terengganu), 1992.

Tarikh Waktu

Tempat

Butir-butir kesalahan/Kesalahan-kesalahan

2. Tuan/puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut
kuasa yang diberi kepada saya di bawah Undang-undang Kecil 14,
saya bersedia untuk mengkompaun kesalahan/kesalahan-kesalahan
itu dengan bayaran wang sebanyak RM

(Ringgit Malaysia:))

Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang
tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang,
pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Yang
Dipertua, Majlis Daerah Hulu Terengganu kepada pejabat yang
dinyatakan di atas dan suatu resit rasmi akan dikeluarkan.

3. Tawaran untuk mengkompaun kesalahan/kesalahan-kesalahan
ini terus berkuatkuasa hingga pada Jika
pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima
pada atau sebelum penutup urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa
langkah pembicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan
berhubung dengan kesalahan itu.

4. Jika tawaran untuk mengkompaun ini tidak disetuju terima atau
jumlah wang yang ditawarkan itu tidak diterima dalam tempoh yang
ditetapkan di dalam perenggan 3, tawaran ini hendaklah dianggap
telah ditarik balik dan tuan/puan boleh dikenakan dakwaan tanpa
notis selanjutnya.

Bertarikh pada hb. 19

YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

JADUAL KEDUA

<i>Jenis Sampah</i>	<i>Kadar Bayaran</i>
1. Mengangkat Sampah:	
(a) Rumah-rumah kediaman termasuk rumah-rumah Kerajaan	... RM 3.00 sebulan.
(b) Kedai/rumah kedai	... RM 6.00 sebulan.
(c) Sebarang premis yang digunakan untuk perdagangan, perusahaan atau perniagaan termasuk bangunan-bangunan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun serta Institusi-institusi	... RM 20.00 sebulan.
(d) Gerai dan penjaja	... RM 3.00 sebulan.
(e) Binaan sementara	... RM 30.00 sebulan. atau RM 5.00 sehari.
(f) Tempat-tempat hiburan awam:	
(i) Panggung wayang dan wayang sementara serta pertunjukan	... RM 50.00 sebulan.
(ii) Taman hiburan, bazar-bazar pasar sementara	... RM 75.00 sebulan.
(iii) Sarkas pertunjukan bergerak	... RM 200.00 sebulan atau sebahagian daripadanya.
(g) Kilang-kilang seperti:	
(i) Perusahaan perabot, kerusi, meja, kabinet dan lain-lain barang kayu-kayuan yang menggunakan jentera	... RM 20.00 sebulan.
(ii) Kilang-kilang papan	... RM 20.00 sebulan.
(iii) Bengkel/worksyop (lain-lain)	... RM 20.00 sebulan.
(h) Hotel:	
Kurang dari 10 bilik tambahan bagi tiap bilik	... RM 10.00 sebulan. ... RM 1.00 sebulan.
(i) Kantin-kantin	... RM 10.00 sebulan.
(j) Supermarket/Emporium	... RM 30.00 sebulan.
(k) Lain-lain perniagaan	... RM 6.00 sebulan.
2. Pembuangan Sampah:	
(a) Bagi apa-apa jua sampah, sampah tred, sampah kebun, buangan-buangan <u>perindustrian atau komersial</u> , bahan buangan, buangan binaan, bahan atau benda-benda yang diangkut ke tapak pembuangan sampah Majlis dengan menggunakan <u>kenderaan-kenderaan mengangkut sampah Majlis</u> , di bawah permintaan orang-orang awam yang mana sampah, sampah tred, sampah kebun, buangan-buangan perindustrian atau komersial, bahan buangan, bahan atau benda-benda pada budibicara Yang Dipertua menerima bagi tujuan tersebut:	

- (i) RM 35.00 bagi sebuah lori jenis "tipper" atau sebahagian daripadanya;
- (ii) RM 100.00 bagi sebuah lori "packmaster" (Compaction Vehicle) atau sebahagian daripadanya;

<i>Jenis Sampah</i>	<i>Kadar Bayaran</i>
(b) (i) Bagi pengalihan dan pembuangan kenderaan-kenderaan tidak berguna lagi dengan menggunakan kenderaan Majlis	RM 50.00 bagi sebuah kenderaan berkenaan itu atau sebahagian daripadanya.
(ii) Bagi pembuangan kenderaan-kenderaan tidak berguna lagi ke tempat pembuangan sampah Majlis dengan menggunakan kenderaan sendiri	RM 20.00 bagi sebuah kenderaan berkenaan itu atau sebahagian daripadanya.
(c) Bagi apa-apa jua sampah isi rumah, sampah tred, sampah kebun, buangan perindustrian atau komersial, bahan buangan, buangan binaan, sisa makanan, bahan atau benda-benda yang diangkut ke tapak pembuangan sampah Majlis oleh sesiapa pun di bawah perbelanjaan sendiri untuk pembuangan yang mana sampah isi rumah sampah tred, sampah kebun, buangan perindustrian atau komersial, bahan buangan, buangan binaan, sisa makanan, bahan atau benda-benda pada budibicara Yang Dipertua menerima bagi tujuan tersebut:	
(i) Lori tanpa muatan seberat tidak melebihi 3,048 Kilogram (3 tan)	RM 4.00 sebuah lori atau sebahagian daripadanya.
(ii) Lori tanpa muatan seberat melebihi 3,048 kilogram tetapi tidak melebihi 7,112 kilogram (7 tan)	RM 8.00 sebuah lori atau sebahagian daripadanya.
(iii) Lori tanpa muatan seberat melebihi 7,112 kilogram (7 tan)	RM 12.00 sebuah lori atau sebahagian daripadanya.

Diperbuat oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu di dalam mesyuarat pada 29 Mac, 1992.

[MDHTR. 01/692].

HAJI WAN MUDA BIN MOHD,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Hulu Terengganu

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam mesyuaratnya pada 22 September, 1993.

[SUK. TR. 1200/360/5; PUN. TR. 85/3/3].

OSMAN BIN MUDA,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

REFUSE COLLECTION, REMOVAL AND DISPOSAL
(HULU TERENGGANU DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 1992

In exercise of the powers conferred by section 73 (a) (i) of the Local Government Act 1976, the Hulu Terengganu District Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act and the State Authority confirms, the following by-laws: *Act 171.*

1. These by-laws may be cited as the **Refuse Collection, Removal and Disposal (Hulu Terengganu District Council) By-Laws 1992** and shall apply only to the area of the Hulu Terengganu District Council and shall come into force on a date to be appointed by the Council by notification in the *Gazette*. *Citation, application and commencement.*

2. In these by-laws, unless the context otherwise requires: *Interpretation.*

“Council” means the Hulu Terengganu District Council;

“Commercial waste” means any waste matter generated by any commercial activity;

“garden refuse” includes leaves, creepers, grass, trees, branches or soils from the garden or compound of any house or building or if there is no house or building from any land;

“household refuse” means any waste material generated from any house but does not include garden refuse or waste building material;

“industrial waste” means any waste matter generated from any industrial activity;

“President” means the President of the Hulu Terengganu District Council and includes the Deputy President;

“waste” includes human waste, animal waste and the corpse of an animal;

“waste building material” means waste generated from any building or construction activity;

“waste matter” includes any by-product, article of goods rejected or damaged in the process of manufacturing, with or without commercial value.

3. (1) The occupier of every house shall provide and maintain refuse bins with close fitting lids of not more than three cubic feet in volume. *Household refuse bins to be provided and maintained.*

(2) All household refuse shall be put into plastic bags to be securely fastened before being put into the refuse bins.

(3) Any broken glass, cans and other objects with cutting edges shall be safely wrapped and put in a separate disposable receptacle and placed close to the refuse bins for collection.

(4) The household refuse bin may be placed on the edge of the arcade or verandah, outside the gate, on a back-lane or at any other convenient place within the compound of the house to facilitate the emptying of the bins by the Council.

- Refuse in the multi-storey buildings.
4. (1) In a multi-storey building where a refuse chute has been provided, the Management Corporation of the building or, if there is no such corporation, the occupier of the building shall provide and maintain a refuse bin which shall be placed in the refuse chamber.
- (2) The refuse bin shall be of a sufficient size to fit the refuse chamber provided at the bottom of the refuse chute in the building.
- (3) The occupier shall at all times maintain the refuse chute, the metal hopper of the chute and the metal door to the refuse chamber.
- (4) Where the refuse bin, the chute, the metal door, the metal hopper or the refuse chamber is not in a proper working condition, the council may proceed to replace, repair or remedy any defect and shall recover the amount spent in the manner provided in the Local Government Act 1976.
- Act 171.
- Garden refuse.
5. Garden refuse may be collected by the Council on payment of a fee.
- Removal of industrial waste and commercial waste.
6. (1) Any industrial waste or commercial waste shall be disposed by the respective industrial or commercial establishment at one of the dumping grounds maintained by the Council or in the manner as directed by the President.
- (2) The Council may dispose such industrial or commercial waste on payment of a fee.
- Dumping ground area.
7. (1) No person shall enter into the dumping ground area unless permitted by the President.
- (2) Notwithstanding the provision by-law 7 (1) the Council may impose certain fee before permission is granted.
- (3) No person shall rake or grub in, or remove any waste material from the dumping ground area.
- Removal of derelict and unwanted vehicle.
8. (1) Any derelict and unwanted vehicle shall be disposed at one of the dumping grounds by the owner.
- (2) The Council may dispose such vehicles on payment of a fee by the owner.
- Prohibition on tampering with contents of bins.
9. No one shall rake or grub in or remove anything from or spill or scatter any of the contents of any refuse bin.
- Prohibition on burning of waste material.
10. No person shall burn or cause to be burnt any combustible refuse or waste matter except in such manner and place approved by the President.
- Prohibition on the disposal of burning charcoal, explosive substance and excreta.
11. (1) Any building material, burning charcoal, highly inflammable or explosive substance shall not be put into domestic refuse bins or any other bins provided for the collection of refuse but shall be disposed off in the manner provided for the removal of industrial waste.
- (2) Any excreta shall not put into domestic bins or any other bins provided for the collection of refuse but shall be disposed of at one of the trenching grounds maintained by the Council.
- Fees.
12. The Council may prescribe the amount of fees to be imposed under these by-laws by notification in the *Gazette*.
- Penalty.
13. Anyone who contravenes any provision of these by-laws commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgits or to imprisonment not exceeding six months or to both such fine and imprisonment.

14. (1) The President or any other officer of the Council duly authorised officer thereto by the President may in his discretion compound any offence under these by-laws.

Power to compound.

(2) The sum of money to be collected for compounding an offence shall not exceed two hundred and fifty ringgits.

Sum to be collected and method of payment.

(3) Payment of the sum must be made in cash, or by money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the President and crossed "Account Payee Only".

(4) Every payment received must be accounted for as money belonging to the Council and an official receipt must be issued for it to the person to whom the offer to compound was made.

15. The form in the First Schedule must be used for making an offer to compound but may be modified as necessary.

Form for offer to compound.

FIRST SCHEDULE

OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE UNDER THE REFUSE COLLECTION REMOVAL AND DISPOSAL (HULU TERENGGANU DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 1992

To,

.....
.....
.....

Sir/Madam,

Reference

It appear to me, on information/complain received, that you have committed an offence/offences under by-law of the Refuse Collection, Removal and Disposal (Hulu Terengganu District Council) By-Laws 1992.

Date..... Time

Place

Particulars of offence/offences

2. You are hereby informed that by virtue of the authority conferred on me under by-laws 13, I am prepared to compound this offence/offences for the sum of RM (Ringgit Malaysia:

.....). If this offer is accepted payment should be made by cash or money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the president of the Hulu Terengganu District Council to the office above and an official receipt will be issued.

3. This offer to compound the offence/offences remains in force until on If full payment of the sum stated above is received by the close of business on that date, no further proceedings will be taken against you in respect of the offence.

4. If the offer to compound is to accepted or the sum offered is not received within the time prescribe in paragraph 3, the offer shall be deemed to be withdrawn and you shall be liable to prosecution without further notice.

Date this: day of19

PRESIDENT,
HULU TERENGGANU DISTRICT COUNCIL

SECOND SCHEDULE

<i>Type of Refuse</i>	<i>Fee</i>
1. Collection of Refuse:	
(a) Dwelling houses including government quarters	... RM 3.00 per month.
(b) Shops/shophouses	... RM 6.00 per month.
(c) Any premises used for trade, manufacture or business including and institutions	... RM 20.00 per month.
(d) Stalls and hawkers	... RM 3.00 per month.
(e) Temporary Erection	... RM 30.00 per month. or RM 5.00 per day.
(f) Places of Public Entertainment:	
(i) Theatres and temporary theatres and shows	... RM 50.00 per month.
(ii) Amusement parks, bazars and private markets	... RM 75.00 per month.
(iii) Circus and travelling shows	... RM200.00 per month or part thereof.
(g) Factories, such as:	
(i) Manufacturing furniture, chairs, tables, cabinets and other wooden articles by machinery	... RM 20.00 per month.
(ii) Sawmills	... RM 20.00 per month.
(iii) Workshop and other factories	... RM 20.00 per month.
(h) Hotels:	
Less than 10 rooms	RM 10.00 per month.
Additional of every one room	... RM 1.00 per month.
(i) Canteens	... RM 20.00 per month.
(j) Supermarkets/Emporiums	... RM 30.00 per month.
(k) Other businesses/trades	... RM 6.00 per month.

2. Disposal of Refuse:

- (a) For any refuse, trade refuse, garden refuse, industrial or commercial waste, waste matter, construction waste, matter or thing conveyed to the Council's refuse disposal ground removed by the council's refuse collecting vehicles as the request of members of the public which refuse, garden refuse, industrial or commercial waste, waste matter, construction waste, matter or thing the President at this discretion, accepts for the said purpose:
- (i) RM 35.00 per tipper lorry or part thereof.
 - (ii) RM 100.00 per "packmaster" (Compaction Vehicle or part thereof).
- (b) (i) For the removal and disposal ... RM 50.00 per derelict of derelict vehicles by using vehicle or part Council's vehicles thereof.
- (ii) For the disposal of derelict ... RM 20.00 per derelict vehicles by using own transport vehicle or part to the Council's disposal ground thereof.
- (c) For any household refuse, trade refuse, garden refuse, industrial or commercial waste, waste matter, construction waste, garbage, matter or thing conveyed to the Council's refuse disposal, which household refuse, trade refuse, industrial or commercial waste, waste matter, construction waste, garbage, matter or things, the president at his discretion, accepts for the said purpose:
- (i) Not exceeding 3,048 ... RM 4.00 per lorry kilogrammes (3 tons) or part thereof. unladen lorry weight
 - (ii) Exceeding 3,048 ... RM 8.00 per lorry kilogrammes but not or part thereof. exceeding 7,112 kilogrammes (7 tons) unladen lorry weight
 - (iii) Exceeding 7,112 ... RM 12.00 per lorry kilogrammes or part thereof.

Made by the Hulu Terengganu District Council in the meeting on the 29 March, 1992.

[MDHTR. 01/692].

HAJI WAN MUDA BIN MOHD,
President,
Hulu Terengganu District Council

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 22 September, 1993.

[SUK. TR. 1200/360/5; PUN. TR. 85/3/3].

OSMAN BIN MUDA,
Clerk of Council,
Terengganu

Tr. P.U. 21.

UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU
(MAJLIS DAERAH SETIU) 1991

- Akta 171.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Setiu dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-undang Kecil berikut:
- Nama pemakaian dan mula berkuatkuasa.* 1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Daerah Setiu) 1991**, dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Daerah Setiu sahaja dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.
- Tafsiran.* 2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:
- “haiwan” ertinya dan termasuklah kuda, lembu, sapi, kerbau, kambing, biri-biri, gajah, binatang ternakan yang mana termasuklah ayam, itik, ayam turki, angsa dan burung dan lain-lain binatang ternakan;
- “kandang haiwan” ertinya mana-mana bangunan yang digunakan atau dicadangkan untuk digunakan bagi maksud memelihara haiwan;
- “Majlis” ertinya Majlis Daerah Setiu;
- “pegawai” ertinya mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Setiu;
- “pemegang lesen” ertinya seseorang yang diberi lesen di bawah Undang-undang Kecil ini;
- “pemunya” ertinya tuannya haiwan, orang yang memelihara haiwan atau yang menjaga haiwan;
- “premis berlesen” ertinya mana-mana premis yang dilesenkan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah termasuk tanah yang bersangkutan dengannya;
- “Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Setiu dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.
- Lesen memelihara haiwan.* 3. (1) Tiada tempat di dalam kawasan Majlis boleh digunakan oleh mana-mana orang bagi maksud memelihara haiwan tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah undang-undang kecil ini.
- (2) Yang Dipertua boleh melesenkan mana-mana tempat di dalam kawasan Majlis bagi maksud memelihara haiwan dan lesen ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh ditetapkan atau dikenakan di dalamnya. Borang lesen adalah seperti Borang 2 Jadual Pertama.
- (3) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah sentiasa mempamerkan lesennya pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat di premis yang dilesenkan itu yang mana hendaklah bebas dimasuki oleh mana-mana pegawai Majlis pada bila-bila masa untuk diperiksa. Sesiapa yang tidak mematuhi peruntukan ini tanpa sebab yang munasabah boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih lima ratus ringgit.

(4) Tiap-tiap permohonan bagi sesuatu lesen untuk menggunakan mana-mana tempat sebagai suatu kandang haiwan hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Pertama dan hendaklah menyatakan bilangan haiwan yang hendak dipelihara di dalamnya dan hendaklah juga disertakan dengan suatu pelan yang menunjukkan tapak binaan dan keluasan tanah yang bersangkutan dengannya.

(5) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah menyatakan nama pemegang lesen, letaknya premis, alamat pos dan bilangan haiwan yang dibenarkan dipelihara di dalam premis itu.

(6) Yang Dipertua boleh dalam mana-mana kes jika berlaku apa-apa pelanggaran terhadap undang-undang kecil ini atau syarat-syarat yang ditetapkan atau dikenakan ke atas sesuatu lesen, membatalkan atau menggantung lesen itu selama tempoh mengikut budibicara yang difikirkannya patut.

(7) Tiap-tiap lesen hendaklah tamat tempohnya pada 31 Disember pada tahun lesen itu dikeluarkan.

(8) Yang Dipertua boleh menurut budibicaranya enggan memberi atau membarui, membatalkan, memotong atau menggantung sesuatu lesen, meminda atau mengubah tempoh had dan syarat-syarat lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

4. Bayaran-bayaran bagi sesuatu lesen diberi di bawah peruntukan perenggan (5) undang-undang kecil 3 hendaklah menurut kadar-kadar yang dinyatakan dalam jadual Kedua dengan syarat bahawa:

- (a) bayaran-bayaran yang kena dibayar bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan selepas 30 Jun dalam mana-mana tahun adalah separuh daripada kadar yang dinyatakan dalam jadual tersebut; dan
- (b) bayaran-bayaran yang dibayar bagi sesuatu lesen tidak boleh dibayar balik apabila sesuatu lesen itu dibatalkan atau digantung.

5. (1) Tiada haiwan boleh dipindah atau diangkut ke dalam atau di dalam kawasan Majlis tanpa suatu permit seperti dalam Borang 3 Jadual Pertama yang dikeluarkan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua.

Permit untuk memindah atau mengangkut haiwan.

Dengan syarat bahawa undang-undang kecil ini tidaklah dipakai bagi haiwan dalam pemindahan.

(2) Sesuatu permit yang dikeluarkan dikenakan bayaran sebanyak sepuluh ringgit.

(3) Pemunya atau orang yang menjaga mana-mana haiwan yang melanggar peruntukan perenggan (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

(4) Mana-mana haiwan yang dipindah atau diangkut di dalam kawasan Majlis tanpa suatu permit sedemikian boleh dengan serta merta disita oleh Yang Dipertua dan dibawa ke rumah sembelih Majlis atau 'paun' untuk disembelih atau dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(5) Bangkai mana-mana haiwan yang disembelih di bawah peruntukan perenggan (4) hendaklah dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan hasil daripadanya hendaklah disimpan oleh Majlis sementara mendapat keputusan mengenai pelupusannya di bawah perenggan (6).

(6) Sekiranya sesuatu sabitan direkodkan di bawah peruntukan perenggan (3) maka hasil sepertimana yang disebutkan di perenggan (5) hendaklah dirampas menjadi hak Majlis tetapi, jika sebaliknya hasil, sedemikian hendaklah dibayar balik kepada pemunya atau kepada mana-mana orang lain seperti yang diperintahkan oleh mahkamah.

Haiwan yang merayau.

6. (1) Mana-mana haiwan yang didapati pada bila-bila masa merayau-rayau atau berkeliaran di mana-mana dalam kawasan Majlis dan di luar daripada premis berlesen, pemunya haiwan tersebut adalah melakukan satu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai boleh mensita atau menembak haiwan yang menjadi hal perkara kesalahan di bawah peruntukan perenggan (1) dan hendaklah dengan serta merta dibawa ke rumah sembelih Majlis atau 'paun' untuk disembelih atau dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(3) Mana-mana haiwan yang telah disita dan ditahan, jika tidak dituntut dalam masa tujuh hari, boleh disembelih atau dilupuskan dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(4) Tiada apa-apa pampasan kena dibayar bagi mana-mana haiwan yang disembelih atau ditembak atau dilupuskan di bawah undang-undang kecil ini.

Kuasa untuk mengkompaun.

7. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai boleh menawar atau membenarkan untuk memkompaun mana-mana kesalahan di bawah undang-undang kecil ini dengan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus ringgit dengan memberi notis seperti dalam Borang 4 Jadual Pertama.

Dengan syarat mana-mana haiwan yang disita dan ditahan boleh didapatkan balik oleh pemunya dengan membayar suatu bayaran tidak kurang daripada tiga puluh ringgit seekor dan bagi tiap-tiap hari selepas itu bayaran tambahan sebanyak sepuluh ringgit bagi seekor haiwan.

Dengan syarat selanjutnya bahawa jika haiwan yang sama juga disita dan ditahan berikutnya maka bayaran yang dikenakan dinaikkan kepada lima puluh ringgit bagi seekor haiwan tertakluk kepada bayaran maksimum sebanyak lima ratus ringgit.

Keperluan kesihatan dan kebersihan.

8. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai hendaklah pada setiap masa yang patut bebas masuk ke tiap-tiap bahagian premis berlesen itu bagi maksud pemeriksaan.

(2) Lantai bagi semua premis berlesen hendaklah dilapiskan dengan konkrit atau lain-lain bahan tak telap air yang diluluskan oleh Yang Dipertua dan hendaklah dicuram dengan betul ke parit-parit. Parit-parit itu hendaklah dibina menurut kehendak-kehendak dan penentuan yang diluluskan oleh Majlis.

(3) Tingginya sesuatu kandang haiwan hendaklah tidak kurang daripada tiga meter yang diukur daripada lantai ke cucur atap.

(4) Hendaklah ada suatu ruang lapang disekeliling kandang haiwan itu yang tidak kurang daripada lima meter lebarnya diukur daripada tiang-tiang luar sempadan premis berlesen itu.

(5) Sesuatu kandang haiwan hendaklah dibina sedemikian kepadanya hingga terdapat ruangan lantai bagi:

(a) tiap-tiap seekor kuda, lembu atau kerbau yang dipelihara di dalamnya tidak kurang daripada tiga meter panjangnya dan satu setengah meter lebarnya; dan

(b) tiap-tiap sepuluh ekor kambing biri-biri atau kambing yang dipelihara di dalamnya tidak kurang daripada empat puluh lapan meter persegi,

dan ruang itu bagi tiap-tiap satunya, tidaklah termasuk ruang yang digunakan untuk menyimpan makanan, tempat palung makanan atau parit tengah atau parit tepi premis berlesen itu.

(6) Permukaan lantai bagi sesuatu kandang haiwan itu hendaklah tidak kurang daripada satu pertiga meter lebih tinggi daripada paras purata ruangan lapang itu.

(7) Dinding-dinding bagi sesuatu kandang haiwan itu hendaklah licin permukaannya dan penjuru-penjuruanya hendaklah dilengkok.

(8) Semua kotoran cecair daripada kandang haiwan itu hendaklah dimendapkan dalam suatu tangki enapan yang direkabentuk dengan sewajarnya sebelum dilepaskan ke dalam sesuatu saluran air yang diluluskan.

(9) Ganti udara bagi premis berlesen itu hendaklah disediakan hingga memuaskan hati Yang Dipertua dan hendaklah mempunyai hubungan terus dengan udara luar.

(10) Tanah yang bersangkutan dengan sesuatu kandang haiwan itu hendaklah dilingkari dengan pagar hingga memuaskan hati Yang Dipertua.

(11) Ruangan lapang di sekeliling kandang haiwan itu dan di mana-mana juga premis berlesen itu hendaklah bertutup logam, atau ditarkan dan diparitkan hingga memuaskan hati Yang Dipertua. Kawasan berturap yang tidak kurang daripada 1/12 daripada kawasan lantai kandang haiwan itu hendaklah diperuntukan bagi membasuh haiwan yang dipelihara di dalamnya.

(12) Suatu kandang yang berasingan hendaklah disediakan hingga memuaskan hati Yang Dipertua bagi tujuan memerah susu haiwan itu.

(13) Bekalan air yang secukupnya hendaklah disediakan hingga memuaskan hati Yang Dipertua di premis berlesen itu.

(14) Segala sampah sarap dagangan, habuk sapuan dan lain-lain benda merbahaya atau mengganggu hendaklah dibuang daripada premis berlesen itu supaya premis berlesen itu pada setiap masa berada dalam keadaan yang bersih dan selamat dari segi kesihatan.

(15) Suatu bekas yang sesuai atau bekas-bekas untuk sampah sarap kandang haiwan hendaklah disediakan dalam premis berlesen itu. Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah dibuat mengikut cara dan daripada bahan-bahan dan disenggara setiap masa dalam suatu keadaan supaya dapat mencegah isi kandungan dari terlepas ke tanah atau ke kawasan sekeliling. Bahagian bawah bekas atau bekas-bekas itu hendaklah tidak kurang setengah meter lebih tinggi daripada muka tanah yang berdampingan.

(16) Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah ditutup dengan baik.

(17) Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah mempunyai ruang tidak kurang daripada setengah meter padu bagi seekor haiwan yang dipelihara dalam kandang haiwan itu.

(18) Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah mudah dipindahkan dan dilapik hingga memuaskan hati Yang Dipertua dengan keping-keping logam atau lain-lain bahan tak telap air.

(19) Tiada sesiapa pun yang mengidap penyakit kulit atau apa-apa penyakit lain yang pada pendapat Yang Dipertua terdapat kemungkinan bahaya jangkitan atau merebak, boleh tinggal, diambil bekerja atau berada dalam atau di mana-mana premis berlesen itu.

(20) Pemegang lesen hendaklah dengan segera memberitahu Yang Dipertua sekiranya terjadi apa-apa wabak penyakit haiwan yang luarbiasa.

(21) Tiada premis berlesen boleh mempunyai suatu bilik kediaman atau tempat tidur bagi manusia.

(22) Tiada tred, selain daripada memelihara haiwan dan tred yang berkaitan atau berhubung dengan haiwan boleh dijalankan dalam premis berlesen tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua

(23) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya:

- (a) mana-mana benda yang dijumpa dalam premis berlesen itu dipindahkan daripada premis itu;
- (b) dinding-dinding, lantai-lantai dan siling premis berlesen itu hendaklah dibersihkan dan dibasuh beberapa kali sebagaimana yang diarahkan;
- (c) semua sampah dalam premis berlesen itu hendaklah dipungut dan dibuang atau dimusnahkan mengikut cara yang diarahkan.

(24) Yang Dipertua boleh, mengikut budibicaranya yang mutlak mengeneppikan daripada mana-mana kehendak undang-undang kecil ini dan boleh mengenakan syarat-syarat tambahan sebagaimana yang difikirkan patut.

Menghalang
pegawai dalam
menjalankan tugas.

9. Mana-mana orang yang tanpa alasan yang sah menghalang, menahan atau membantu menghalang atau menahan mana-mana pegawai atau mana-mana orang yang membantu pegawai sedemikian dalam menjalankan tugasnya di bawah undang-undang kecil ini adalah melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit.